



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN**

---

**SUMBANGAN TUNAI RAHMAH FASA 3 (STR 3) DISALURKAN  
SECARA BERPERINGKAT MULAI 26 JUN 2023**

---

Lebih 8 juta golongan B40 yang layak bakal menerima **Sumbangan Tunai Rahmah Fasa 3 (STR 3)** mulai 26 Jun 2023.

“Kerajaan telah memutuskan **pembayaran STR 3 dipercepatkan dan disalurkan** sebelum Hari Raya Aidiladha berbanding perancangan awal pada bulan Julai 2023. Ini adalah bagi meringankan beban kewangan rakyat,” kata YAB Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Pembayaran ini membabitkan **peruntukan lebih RM2 bilion** di mana penerima akan **menerima antara RM100 hingga RM1,300** berdasarkan kelayakan masing-masing mengikut kaedah pembayaran seperti berikut:

| <b>Jenis Penerima</b>                          | <b>Tarikh Pembayaran Mulai</b> | <b>Kaedah Pembayaran</b>  |
|--|--------------------------------|---|
| Mempunyai akaun bank                           | 26 Jun 2023 – 5 Julai 2023     | Dikreditkan terus ke akaun bank.                                |
| Tiada akaun bank (termasuk di Sabah & Sarawak) | 26 Jun 2023                    | Pembayaran tunai melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN). |

Fasa pertama dan kedua STR telah disalurkan pada bulan Januari dan April lepas. Ketiga-tiga fasa STR ini melibatkan peruntukan pembayaran berjumlah **RM5 bilion bagi tahun 2023**. Pembayaran fasa keempat STR dijadika pada bulan November 2023.

**Status kelulusan STR 3 dibuka untuk semakan mulai 26 Jun 2023.** Sebagai langkah memastikan program STR 3 ini disasarkan kepada mereka yang layak, **tempoh permohonan rayuan juga akan dibuka mulai 3 hingga 31 Julai 2023.** Bagi permohonan yang ditolak, pemohon boleh mengemukakan dokumen berkaitan untuk semakan semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Maklumat lanjut berkaitan pembayaran STR 3 ini boleh dilayari di Portal Rasmi STR <https://bantuanunai.hasil.gov.my>.

**Kementerian Kewangan  
Putrajaya  
22 Jun 2023**